



YAYASAN

NO. SYARIKAT: 1170062 - M

Bil. (5) dlm YR-01/9715.00

18 April 2016

1. Semua Pengarah Bahagian
2. Semua Pengarah RISDA Negeri
3. Semua Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA
4. Semua Pegawai RISDA Daerah / Jajahan / Bahagian
5. Semua Pengetua Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK)
6. Pengetua Pusat Latihan RISDA (RISTEC)

Y.Bhg Dato' / Datuk / Tuan / Puan

PROGRAM SINAR KASIH ANJURAN YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YAPEIM)

Adalah dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Yayasan RISDA sedang bekerjasama dengan YAPEIM bagi mendapatkan maklumat tentang anak-anak yang kehilangan ketua keluarga secara tiba-tiba khususnya yang mengalami kemalangan yang tidak terduga. Ketua keluarga yang dimaksudkan adalah bapa atau ibu (sekiranya bapa telah lama meninggal dunia/hilang upaya dan ibu menjadi ketua keluarga yang menyara kehidupan keluarga). Ianya merangkumi anak-anak pekebun kecil, warga kerja RISDA / SMR dan pesara atau lain-lain kategori masyarakat Malaysia.

3. Program ini merupakan inisiatif YAPEIM dalam menyantuni segera keperluan asas kebajikan dan pendidikan anak-anak yang terbabit khusus di peringkat awal berlakunya musibah. Maklumat kelayakan dan bantuan adalah seperti berikut :

YAYASAN RISDA

Tingkat 4, GRAHA ESPEK, NO.31, Jalan Sulaiman 3, Taman Putra Sulaiman, 68000 Ampang, Selangor
Tel : 03-4270 3066 Fax : 03-4270 3060

BIL	BUTIRAN	PENJELASAN
1	SEBAB-SEBAB KEMATIAN	A) KEMALANGAN B) KEBAKARAN C) MATI LEMAS D) GEMPA BUMI DAN INSIDEN SEUMPAMANYA
2	KADAR BANTUAN	RM200.00 SEORANG SEBULAN UNTUK TEMPOH 12 BULAN * (* BANTUAN TAHUN BERIKUTNYA ADALAH BERDASARKAN SEMAKAN DAN PENILAIAN YAPEIM SAMADA ANAK-ANAK BERKENAAN MEMPUNYAI TEMPAT BERGANTUNG YANG BOLEH DIHARAPKAN SEPERTI RUMAH ANAK YATIM ATAU PIHAK LAIN YANG MEMBERI SUMBANGAN TETAP SETIAP BULAN)
3	HAD UMUR	SEJAK LAHIR SEHINGGA 21 TAHUN ATAU HINGGA TAMAT PENGAJIAN PERINGKAT IJAZAH PERTAMA MANA YANG TERDAHULU
4	BILANGAN ANAK YANG LAYAK	TIADA HAD
5	DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN	SALINAN SIJIL KEMATIAN YANG TELAH DISAHKAN ** DAN SALINAN SIJIL KELAHIRAN ANAK ** OLEH PEG KERAJAAN KUMP A /PENGHULU / KETUA KAMPUNG / JKKK
6	TARIKH KEMATIAN	SEMASA ATAU BAGI YANG MENINGGAL DUNIA DALAM TEMPOH APRIL 2015 DAN KE ATAS

4. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang yang dilampirkan. Hanya dokumen yang lengkap sahaja akan dipanjangkan untuk pertimbangan YAPEIM. Sebarang keputusan adalah tertakluk kepada pertimbangan pihak YAPEIM dan keputusan adalah muktamad. Semua permohonan hendaklah dikembalikan kepada :

YAYASAN RISDA
Tingkat 4, Bangunan Graha ESPEK
No. 31, Jalan Sulaiman 3
Taman Putra Sulaiman
68000 Ampang Selangor
Tel : 03 – 4270 3066
Fax : 03 – 4270 3060
E-mail : yayanrisda@gmail.com

Bil. (5) dlm YR-01/9715.00
18 April 2016

5. Suka diingatkan, ini adalah merupakan inisiatif Yayasan RISDA dalam mengenal pasti skim bantuan yang boleh membantu kumpulan sasar. Justeru, Yayasan RISDA tidak bertanggungjawab sekiranya permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan.

Sekian. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg Dato' / Datuk / Tuan / Puan didahului dengan terima kasih.

Yang benar

'BECAUSE WE CARE'

**FAIZATUL AKMAR BT DATO' HISAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

- Sk :
1. Ketua Pengarah RISDA
 2. Ketua Pengarah YAPEIM
(U/P : Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Korporat YAPEIM)
 3. Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
 4. Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan dan Korporat
 5. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings

YAYASAN RISDA

Tingkat 4, GRAHA ESPEK, NO.31, Jalan Sulaiman 3, Taman Putra Sulaiman, 68000 Ampang, Selangor
Tel : 03-4270 3066 Fax : 03-4270 3060